



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

27 Ramadhan 1441 / 21 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 27 Ramadhan 1441H bersamaan 21 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 136 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini juga kekal seramai **4 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya

memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini, semua kontak kes yang telah menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 telahpun menamatkan tempoh kurantin di mana jumlah keseluruhannya ialah seramai **2,679 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 292 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,010 ujian.
5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan mengambil maklum bahawa aplikasi ***Bruhealth*** masih di dalam tahap permulaan perlaksanaannya dan oleh itu terdapat beberapa isu yang mungkin dihadapi oleh orang ramai semasa pendaftaran atau semasa mengemaskini status kesihatan masing-masing setiap hari. Untuk makluman orang ramai, aplikasi Bruhealth pada masa ini sedang dikemaskinikan lagi untuk memudahkan penggunaannya terutama sekali bagi mereka yang tidak dapat memuatturun aplikasi tersebut disebabkan rangkaian yang lama. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin meminta kerjasama orang ramai untuk bersabar dan mengambil sikap berhemah serta bersopan santun apabila menghubungi Talian 148 untuk mendapatkan apa jua nasihat dan bantuan. Sesiapa yang didapati menggunakan

kekerasan dan kekasaran kepada kakitangan yang bertugas boleh diambil tindakan undang-undang.

6. Alhamdulillah, pada masa ini terdapat banyak premis yang telah mendaftar dan menggunakan kod QR BruHealth. Namun, pada masa yang sama telah didapati sebilangan pengurus-pengurus perniagaan telah memberikan maklumat palsu dalam pengisian jumlah kapasiti bagi premis mereka. Ini adalah satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggaj 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan, Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Pihak Kerajaan akan menjalankan rondaan secara rambang bagi memastikan arahan ini dipatuhi.
7. Dalam hal itu, adalah juga difahamkan sebilangan restoran mengalami kesukaran terutama sekali apabila kuota pelanggan yang telah dibenarkan diisikan oleh pelanggan takeaway dan pelanggan yang lupa mengimbas kod QR mereka semasa keluar dari restoran tersebut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah membuat pembaharuan yang mana pelanggan-pelanggan yang berdaftar melebihi 2 jam akan ditolak dari

kuota secara langsung dari sistem BruHealth. Manakala bagi restoran yang juga memberikan perkhidmatan takeaway, satu ciri juga akan diperkenalkan bermula esok, yang mana kod QR berasingan bagi pelanggan takeaway boleh dibuat bagi premis yang sama melalui www.healthinfo.gov.bn/register.

8. Seterusnya, mengambilkira keadaan wabak COVID-19 di negara ini adalah terkawal pada masa ini, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kementerian ini telah mengeluarkan garis panduan sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun ini seperti berikut:

- i. Sambutan Hari Raya hanya diadakan dengan ahli keluarga terdekat iaitu anak menziarahi ibubapa atau adik-beradik sahaja.
- ii. Keluarga yang besar hendaklah memastikan garis panduan perkumpulan ramai dipatuhi iaitu hanya menghadkan kepada 20-30 orang sahaja pada satu-satu masa mengikut kesesuaian keluasan rumah berkenaan.
- iii. Kunjungan ke rumah ibubapa atau adik-beradik hendaklah dijadualkan dengan teratur seperti tidak datang serentak,

- datang secara bergilir-gilir dan hubungi ibubapa atau adik-beradik terlebih dahulu sebelum mengunjungi rumah mereka.
- iv. Orang ramai adalah tidak dibenarkan mengadakan majlis “Rumah Terbuka” atau majlis-majlis serupa. Ini termasuk mengadakan ofis terbuka (*open office*) di tempat kerja.
 - v. Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau merasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi ataupun diziarahi oleh keluarga terdekat.
 - vi. Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan hendaklah dielakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya dari menyentuh atau membuat kontak fizikal dengan orang lain.
 - vii. Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih dan terjaga terutama sekali kebersihan tangan.
 - viii. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.
 - ix. Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum seperti sudu, garpu, piring dan cawan.
 - x. Pastikan juadah hari raya yang disediakan bagi ahli keluarga terdekat adalah hidangan yang sihat dan bersih. Kurangkan pengambilan juadah yang manis, masin dan berlemak. Tingkatkan sistem imuniti badan dengan makanan yang berkhasiat dan air kosong sebagai pilihan utama.

9. Walaupun sambutan hari raya pada tahun ini adalah berbeza dari tahun-tahun yang sebelumnya, ini tidak bermakna kita tidak boleh meraikannya dengan rasa gembira bersama ahli keluarga yang tersayang dengan selamat. Apa yang penting ialah untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial kita untuk menghindari dari penularan wabak COVID-19.

10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung Ramadhan
ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan
kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada
di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei
Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.**

Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 27 Ramadhan 1441H / 21 Mei 2020